



Isnin – 8 Februari 2021

Halaman :



Pasangan Orang Asli ditemui di pondok sekitar Sungai Sam, semalam.  
(Foto ihsan pembaca)

## Pasangan Orang Asli hilang ketika saringan ditahan

**Kota Bharu:** Pasangan suami isteri Orang Asli kaum Temiar yang menghilangkan diri ketika ujian saringan COVID-19 dilakukan ke atas mereka di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai pada Jumaat lalu berjaya ditahan polis, semalam.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat, berkata pada jam 5.30 petang semalam, pihaknya menerima maklumat melalui panggilan telefon daripada individu dari Jabatan Orang Asli yang memaklumkan kedua-dua suspek berada di Laloh.

Katanya, bertindak atas maklumat diterima, pihak polis mengesan dan menjumpai pasangan suami isteri berkennaan berada di sebuah pondok di sekitar Sungai Sam.

"Pasangan Orang Asli itu kemudian memberi kerjasama yang baik kepada pihak polis dan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk dibawa ke Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai.

"Mereka dibawa ke hospital untuk menjalani ujian saringan COVID-19 dan dikuarantin se-

hingga keputusan diperoleh.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 22 (b) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (APPPB) 1988 dan Seksyen 270 Kanun Keseksaan (bagi kesalahan berhubung penyakit berjangkit yang berbahaya kepada nyawa)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmanin, media melaporkan, polis menerima laporan dari seorang jururawat Hospital Sultan Ismail Petra, kira-kira jam 9.30 malam Jumaat lalu selepas mendapati pasangan berkenaan tiada di hospital ketika ujian saringan hendak dilakukan ke atas mereka.

Pasangan suami isteri itu sepatutnya menjalani ujian saringan COVID-19 selepas bayi perempuan mereka berusia 25 hari disahkan positif COVID-19.

Kakitangan bertugas di wad kecemasan menyedari ibu kepada bayi yang positif COVID-19 yang dirawat di Unit Rawatan Rapi Bayi (NICU), menghilangkan diri dipercayai takut untuk menjalani ujian saringan itu.